



ASMA (tiga dari kiri) beramah mesra dengan wakil media pada majlis Makan Malam Media bersama StraComm USIM, Negeri Sembilan baru-baru ini.

USIM rai petugas media Negeri Sembilan

DIHARGAI. Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan majlis makan malam bagi meraikan petugas media di Negeri Sembilan baru-baru ini.

Lebih 20 petugas hadir pada majlis bertemakan *Arabian Night* itu yang diadakan di Bangunan Canselor USIM.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Asma

Ismail berkata, peranan media menetengahkan institusi pengajian berteraskan ilmu aqli dan naqli bukan sahaja dikenali di dalam negara, malah turut mendapat perhatian daripada Universiti Cambridge di England.

Sebanyak 838 buah artikel mengenai USIM diterbitkan pada tahun lalu dengan nilai publisiti mencecah RM22 juta.